

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 23 APRIL 2016 (SABTU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Strategi baharu tarik minat pelajar dalam sains sedang dirangka - Madius	Bernamea.com
2	Bekalan air kririkal	Utusan Malaysia
3	'Water supply problems could last until September'	New Straits Times
4	Negara dijangka alami masalah air hingga September - Madius	Bernamea.com
5	El Nino jejas pelbagai sektor di Malaysia	Bernamea.com
6	Operasi pembenihan awan berpangkalan di Subang, Pulau Pinang Berjaya - Madius	Bernamea.com
7	Hanya Chuping di Perlis catat suhu melebihi 37 darjah celsius	Bernamea.com
8	Kekurangan awan 'Towering Cumulus' sukarkan pembenihan awan - MOSTI	Bernamea.com
9	Kerajaan negeri Pahang belanja RM60,000 sehari untuk pam air ke empangan	Bernamea.com
10	Fenomena reda penghujung Jun	Harian Metro
11	Most dams running low, says Met Dept	New Straits Times
12	Give one-off rebate on electricity bill	New Straits Times
13	Paras air di empangan Timah Tasoh menurun	Bernamea.com
14	Mendung, hujan beberapa kawasan pada hari penamaan calon	Bernamea.com
15	Paras air di empangan Timah Tasoh 26.21 meter, bekalan mampu bertahan sebulan	Bernamea.com
16	3 penyelidik terima Anugerah Kajian Kanser Makna	Utusan Malaysia

Strategi Baharu Tarik Minat Pelajar Dalam Sains Sedang Dirangka - Madius



TUARAN, 22 April (Bernama) -- Majlis Sains Negara akan bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pendidikan Tinggi untuk merangka dan menghasilkan strategi baharu bagi meningkatkan minat pelajar dalam Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Wilfred Madius Tangau berkata kerjasama menerusi Strategi Lautan Biru Kebangsaan itu antara lain bertujuan memastikan sasaran kerajaan untuk mencapai 60 peratus pelajar mengambil jurusan sains tercapai.

"Kita perlu melihat strategi baharu bagi menarik minat pelajar termasuk guru-guru. Ini kerana, untuk mencapai sasaran itu, kita memerlukan guru yang mempunyai minat mendalam kepada sains dan matematik," katanya kepada pemberita selepas menutup program inovasi pendidikan di sini Jumaat.

Program anjuran Pusat Sains Negara sejak Rabu itu disertai oleh 16 sekolah dan membabitkan 40 orang guru serta 100 murid di Sabah bertujuan meningkatkan kesedaran dan penghayatan kepentingan bidang sains

Dalam perkembangan berkaitan, Madius berkata bilangan pelajar tingkatan empat dan lima yang mengambil bidang sains di Sabah tahun ini menunjukkan peningkatan kepada 15,952 berbanding 14,472 pada tahun sebelumnya.

Mengulas lanjut, katanya, satu sistem pengajaran dan pembelajaran sains iaitu Inquiry-based Science Education (IBSE) juga sedang dilaksanakan di empat negeri iaitu Kedah, Terengganu, Kuala Lumpur dan Sabah untuk tempoh percubaan.

Berdasarkan pelaksanaan di empat sekolah berprestasi rendah dalam bidang sains di Kuala Lumpur, pedagogi baharu itu telah menunjukkan hasil apabila sekolah terhabit mengatasi prestasi sekolah cemerlang dalam bidang berkenaan.

Madius berkata pendekatan yang dijalankan Akademi Sains Malaysia itu akan diperkenal ke semua sekolah di seluruh negara setelah rumusan kajian keberkesanan pelaksanaan dibuat.

-- BERNAMA

